

**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
SELASA 5 MAC 2019**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1. 2. 3.	"TANGGUNGJAWAB SAYA TAMBAHKAN PENDAPATAN PETANI", FOKUS, MINGGUAN AMANAH -9 SALAHUDDIN TEKAD PERJUANGKAN KELOMPOK NASIB PETANI SEPerti WAK IBAS, NASIONAL, MINGGUAN AMANAH -6 SISTEM BOLEHKAN NELAYAN JUAL TANGKAPAN TERUS DARI LAUT SEDANG DIBANGUNKAN, NASIONAL, MINGGUAN AMANAH -10	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI (MOA)
4. 5.	KANTOI KAUT SOTONG SECARA HARAM, SETEMPAT, SH -36 PROTECT OUR NATIVE FISHES AND RIVER ECOSYSTEM, OPINION, NST -14	JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)
6.	TAKUNGAN AIR DI TIGA EMPANGAN MADA MENCUKUPI, NEGARA, KOSMO -16	LEMBAGA KEMAJUAN PERTANIAN MUDA (MADA)
7. 8. 9. 10. 11. 12.	NELAYAN KUALA LANGAT 'NAZAK' DIHIMPIT PELBAGAI ISU, WILAYAH, BH -62 HARGA SAWIT, GETAH NAIK SEDIKIT, NASIONAL, MINGGUAN AMANAH -24 KEMUSNAHAN HUTAN MENGANCAM KESELAMATAN AIR DAN MAKANAN NEGARA, RENCANA, MINGGUAN AMANAH -28 SOON: YOUTH ENCOURAGE INVOLVES IN FARMING INDUSTRY, SUPPLEMENT, KWONG WAH YIT POH -B6 DIFFICULT TO USE MACHINERY IN AGRICULTURE, 95 PCT DEPENDENCE ON FOREIGN WORKERS, NEWS, ORIENTAL DAILY NEWS -A15 RAUB DURIAN PWNERS HOPE GOVERNMENT TO EXPAND "DURIAN ECONOMY", NEWS, NANYANG SIANG PAU -B1	LAIN - LAIN
13.	MANTAPKAN GERAKAN PERTUBUHAN PELADANG, FORUM, MINGGUAN AMANAH -23	LEMBAGA PERTUBUHAN PELADANG (LPP)

UKKMOA

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN & INDUSTRI ASAS TANI
(UNTUK EDARAN DALAMAN MOA, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
5/3/2019	MINGGUAN AMANAH	FOKUS	9

"Tanggungjawab saya tambahkan pendapatan petani"

Oleh **DATUK SALAHUDDIN AYUB**

ALHAMDULLILAH, lawatan kerja saya di Sarawak hari ini (18 Februari) bermula dengan melancarkan Kempen Pasar Tani Bersih. Seterusnya saya telah melawat ke Kilang Padi yang diselia oleh PPK Daro.

Kemudian saya mengambil kesempatan untuk menziarahi masyarakat di Rumah Panjang Nangar Kecil di Daro yang menempatkan seramai 150 orang penduduk. Wakil penduduk Rumah Panjang ini memohon kerajaan selesaikan masalah jalan disini, saya sangat rasa terharu mendengar rintihan mereka.

Walaupun perkara ini bukan dibawah MOA kerana ia berkaitan tanah, akan tetapi InsyaAllah MOA akan membantu dalam memberi insentif kepada petani-petani di sini.

Itu adalah dibawah tanggungjawab kami dan saya sentiasa mengadakan perbincangan di antara kerajaan pusat serta kerajaan negeri Sarawak agar hubungan baik ini dapat dikekalkan demi kesejahteraan rakyat.

Sewaktu saya lancarkan hala tuju baru ini, Exco Pertanian Sarawak juga hadir sama dan ia menunjukkan hubungan ini dapat



Salahuddin berharap hubungan dengan kerajaan negeri Sarawak dapat dipertingkatkan demi manfaat petani.

kita tingkatkan.

Saya tetap sedih kerana ini hakikat yang berlaku kepada petani-petani kita. Bila saya jadi menteri, saya tetapkan visi saya untuk meningkatkan pendapatan petani.

Usaha kami adalah agar petani dapat keluaran barang pertanian, dipasarkan di dalam dan luar negara dan petani dapat meningkatkan pendapatan mereka.

Setelah selesai program bersama pen-

diduk Rumah Panjang ini, saya teruskan lawatan ke Ladang Lembu di Tanjong Jol Matu serta melawat kolam ikan juga di Tanjong Jol Matu dan melepaskan benih ikan serta menyerahkan bantuan baja ikan kepada pengusaha disini.

Kemudian saya juga melawat kedai agropreneur 'Cakol Suzie' dan singgah ke kursus yang dianjurkan oleh MARDI iaitu Kursus Fertigasi Halia. Saya sempat meny-

ampaikan ucapan kepada peserta kursus ini.

Sewaktu mula menjadi menteri MOA, saya diberitahu oleh pegawai-pegawai saya bahawa majoriti petani adalah masih di bawah paras kemiskinan.

Jadi tanggungjawab saya melalui Kementerian ini untuk berusaha supaya kita dapat menambahkan pendapatan petani-petani ini.

Saya tidak boleh nafikan bahawa terdapat juga petani yang telah menjadi jutawan, akan tetapi tidak banyak. Jika semua petani maju, kita akan dapat menyumbang kepada ekonomi negara.

Ramai juga petani yang saya telah bertemu, ada dikalangan mereka tidak memohon bantuan dari kerajaan, mereka hanya mengusahakan sendiri antaranya dengan mengadai tanah, menggunakan duit KWSP serta Tabung Haji.

Melalui proses jatuh bangun ini, golongan ini ramai akhirnya berjaya dalam bidang pertanian ini. Sebelah petang tadi, program terakhir saya pada hari ini saya telah dijemput untuk menghadiri majlis dialog yang telah dianjurkan oleh Koperasi Rumpun Impiana Daro Berhad bertempat di Dewan Kemas Daro.

Penulis ialah Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani.



Salahuddin tekad perjuangankan kelompok nasib petani seperti Wak Ibas

Oleh **NASUHA RAHMAN**
Foto **FACEBOOK SALAHUDDIN AYUB**

MENTERI Pertanian dan Industri Asas Tani Datuk Salahuddin Ayub mengakui bukan mudah baginya untuk menitiskan air mata apatah lagi di depan khalayak.

"Saya lelaki, bukan senang untuk menangis kerana saya juga ada ego."

"Bagaimanapun, saya gagal mengawal kesedihan apabila mengenangkan kesusahan petani tidak berubah selepas sekian lama," katanya.

Bellau turut menepis dakwaan kononnya tangsannya ketika gimik Majlis Pelancaran Hala Tuju Kementerian Itu di Tapak Ekspo Pertanian Malaysia Serdang (MAEPS), Selangor, adalah lakonan dirancang.

"Saya pernah jual ikan, bertani, menanam pokok. Saya buat sungguh. Rintihan surat itu adalah tangisan petani selama 60 tahun, salahkah saya menangis?" soalnya.

Bellau menitiskan air mata ketika membaca surat ditulis petani, Ibas Hamud, 77, atau lebih dikenali sebagai Wak Ibas.

Suara Salahuddin yang tersekat-sekat ketika membaca surat itu, mengundang sedih dalam kalangan hadirin, malah ada yang dilihat turut menitiskan air mata.

Surat berkenaan diserahkan Wak Ibas iaitu wakil petani daripada Pertubuhan Peladang Kawasan Sungai Besar ke tangan menteri itu sendiri.

Walaupun sudah bergelut menteri, Salahuddin berkata, kandungan surat tulisan Wak Ibas itu membawanya mengenang kesusahan hidup pernah dilalui sepanjang membesar di Kampung Tanjung Piai, Pontian.

Bellau hanya dimaklumkan perlu membaca surat seorang petani sehari sebelum majlis berkenaan berlangsung.

"Sebagai menteri, saya melihat surat itu

dan kandungannya adalah rintihan petani. Selama 35 tahun berkemping dalam politik, saya pernah jadi petani di kampung saya di Kampung Tanjung Piai yang juga perkampungan nelayan.

"Itu adalah tangisan hati saya, tekad saya untuk memperjuangkan nasib kelompok petani seperti Wak Ibas supaya dapat mengeluarkan mereka daripada kemiskinan.

"Selagi kita tidak mengeluarkan mereka daripada kemiskinan, bagi saya kita gagal. Saya menteri dapat gaji, kenalkan pangkat tetapi mereka tidak berubah. Mereka tetap miskin dan tergolong dalam B40.

"Itu erti tangisan saya dan selepas sembilan bulan, saya rasa berdosa kerana belum dapat mengubahnya," katanya di petik *Berita Harian*.

Surat Wak Ibas ini baginya mewakili suara seluruh petani, nelayan dan penternak yang berjuang untuk hidup seharian namun masih dilimpa kesempitan.

"Ia datang dari hati yang ikhlas, mengadu dan meluahkan perasaannya pada saya.

"Saya sebak mengenangkan kesusahan yang mereka hadapi, mengenangkan tingginya harapan mereka pada saya untuk membantu mengeluarkan mereka dari kepayahan hidup.

Katanya, ini satu tanggungjawab yang cukup besar untuk bellau selesaikan. Namun, bellau akan berusaha dengan sepenuh daya dan kuasa yang diamanahkan untuk membuat perubahan yang diimpikan.

"Halatuju ini menjadi titik tolaknya. Di sini kita bermula. Perancangannya telah dibentang, sekarang masa untuk kita bekerja dengan lebih gigih. Saya harap tuan-tuan boleh sama-sama menjadi saksi.

"Semoga para petani, nelayan dan penternak akan melihat masa depan yang lebih cerah tidak lama lagi, insya-Allah," katanya.



Salahuddin membacakan wakil-petani, puak petani yang ditaja Wak Ibas.



Salahuddin menepis dakwaan kononnya tangsannya ketika gimik Majlis Pelancaran Hala Tuju Kementerian Itu di Tapak Ekspo Pertanian Malaysia Serdang (MAEPS), Selangor adalah lakonan dirancang.

NELAYAN DAN PETANI MASIH TERUS MENERIMA ELAUN BULANAN DAN SUBSIDI BESAR WALAUHUN RAJAT UNTUK KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANAH BERKURANGAN

"Nelayan Yang Turun Ke Laut Melebihi 120 Hari Setahun Layak Menerima Elaun Bulanan Sebanyak RM200 Sebulan"

"Petani Juga Menerima Kenaikan Subsidi Sebanyak RM360 Per Tan"

Salahuddin menitiskan air mata mengenangkan kesedihan mengenangkan kesusahan hidup petani yang tidak berubah selepas sekian lama.

BERKEMUDIAN

f t w



Kandungan Kementerian Pertanian turut menitiskan air mata, termasuk wakil-petani Wak Ibas ada juga di kalangan mereka turut menitiskan air mata.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
5/3/2019	MINGGUAN AMANAH	NASIONAL	10

Sistem bolehkan nelayan jual tangkapan terus dari laut sedang dibangunkan

KEMENTERIAN Pertanian dan Industri Asas Tani sedang bekerjasama dengan Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) membangunkan satu sistem yang membolehkan hasil tangkapan nelayan boleh dijual ketika mereka masih berada di lautan.

Menterinya Datuk Salahuddin Ayub berkata inisiatif itu merupakan antara langkah yang diambil kementerian dalam meningkatkan pendapatan nelayan sebagaimana yang digariskan dalam pelan hala tuju meningkatkan pendapatan golongan itu.

Beliau berkata sistem itu, apabila siap kelak akan melengkapkan kegunaan aplikasi paparan harga ikan yang dimiliki Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM).

"Sistem ini membolehkan nelayan yang turun ke laut menjual hasil tangkapan tanpa perlu menunggu sehingga mendarat seperti amalan sebelum ini.

"Dengan bantuan aplikasi harga pasaran yang dimiliki LKIM, nelayan boleh mengenal pasti harga semasa ikan dan terus menjualnya melalui sistem yang dibangunkan itu," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas sesi pertemuan bersama ejen-ejen pengembangan perikanan yang turut dihadiri Timbalan Ketua Pengarah Perikanan Datuk Dr Bah Piyon Tan di Tapak Ekspo Pertanian Malaysia (MAEPS) di sini baru-baru ini.

Salahuddin berkata pengenalan sistem itu juga antara lain bertujuan mengatasi isu orang tengah yang sering memanipulasi harga ikan dan merugikan para nelayan.

Dalam pada itu, Salahuddin berkata pihaknya kini berusaha menempatkan anggota

Jabatan Sukarelawan Malaysia (Rela) bagi mengawasi kawasan perikanan daripada dicerobohi nelayan haram.

Beliau berkata perkara mengenai ancaman dan kebimbangan pencerobohan Zon A secara berterusan itu telah dibangkitkannya untuk perhatian kerajaan dalam beberapa mesyuarat jemaah menteri.

Bagaimanapun, katanya cadangan itu memerlukan perbincangan lanjut dengan Kementerian Dalam Negeri (KDN) kerana melibatkan aspek penguatkuasaan dan keselamatan selain sebagai kementerian yang menaungi pasukan Rela.

Secara prinsipnya, idea ini telah dibincangkan bersama menteri KDN, dan ia akan disusuli dengan perbincangan lebih serius selepas ini, katanya.

Mengenai pegawai pengembangan perikanan, Salahuddin mahu ejen yang rapat dengan golongan nelayan di akar umbi itu dapat meningkatkan pengetahuan, khususnya berkaitan penggunaan teknologi terkini.

Beliau berkata mereka yang berjumlah 800 orang itu perlu meneroka idea-idea terkini bagaimana untuk membantu meningkatkan taraf hidup nelayan tanpa menumpukan hanya kepada tangkapan ikan seperti mengusahakan ikan hiasan.

Menurutnya perusahaan ikan hiasan tidak memerlukan modal dan kawasan yang luas sebaliknya nelayan boleh memanfaatkan ruang di rumah masing-masing untuk mengusahakan perniagaan itu.

Perniagaan ini memiliki pasaran yang luas, malah harganya juga cukup kompetitif sehingga mencegah ratusan ringgit seekor, katanya.

Kantoi kaut sotong secara haram

13 nelayan Vietnam ditahan Maritim Malaysia di perairan negara

RAIHAM MOHD SANUSI

KEMAMAN

Cubaan 13 nelayan asing warga Vietnam mengaut sotong di perairan negara ini kerana harganya yang tinggi di pasaran luar hingga mencecah RM300 sekilogram gagal apabila dua bot dinaiki mereka ditahan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (Maritim Malaysia). Dua bot terbabit ma-

sing-masing ditahan pada jarak 70 batu nautika dari Kuala Kemaman lebih kurang jam 8.30 dan 9.15 pagi, kelmarin.

Pengarah Zon Maritim Kemaman, Komander Maritim Rashidilhadhi Abdul Rashid berkata, hasil pemeriksaan menjumpai sebanyak 40 kilogram sotong jarum dan peralatan menangkap sotong dalam kedua-dua bot terbabit.

Menurutnya, musim candat sotong yang baharu bermula dipercayai mendorong bot-bot asing itu mencaroboh perairan negara.

"Kita percaya hasil sotong yang diperoleh ini untuk jualan di negara luar seperti China dan Taiwan kerana harganya sangat tinggi.

"Ini menjadi tarikan



Rashidilhadhi menyawal siasat nelayan Vietnam ketika mereka tiba di Jeti Zon Maritim Kemaman.

panjang musim mencandat sotong bagi mengekang kemasukan nelayan asing.

Ditanya lanjut mengenai penahanan kedua-dua bot katanya, kesemua nelayan yang ditahan berusia antara 14 hingga 54 tahun itu didapati tidak mempunyai permit yang sah untuk menangkap ikan di perairan Malaysia.

"Kesemua hasil tangkapan termasuk bot dianggarkan bernilai sebanyak RM1600,000.

"Semua nelayan itu ditahan untuk siasatan lanjut di bawah Akta Perikanan 1985 yang memperuntukkan denda tidak lebih RM1 juta bagi tekong manakala denda sebanyak RM100,000 bagi setiap awak-awak atau penjara tidak lebih dua tahun jika sabit kesalahan," katanya.

kepada nelayan-nelayan asing termasuk dari Vietnam untuk datang. Musim candat sotong ini bermula dari Mac hingga Jun," katanya pada sidang media di Jeti Zon Maritim Kemaman, di sini.

Berikutan itu, Rashidilhadhi berkata, Maritim Malaysia akan memantau di sepanjang perairan Pantai Timur dan akan turut memantau melalui udara se-

ZAKRI ABDUL
HAMID

INVASIVE ALIEN SPECIES

PROTECT OUR NATIVE FISHES AND RIVER ECOSYSTEM

IAS are non-native to our ecosystem which may cause economic or environmental harm or adversely affect our health

INVASIVE fish species are a major threat to our marine and inland waters and they undermine essential biodiversity.

Species invasions rank closely behind habitat loss as a cause of species decline and extinction and they pose significant economic and public health problems.

The United Nations Biodiversity Convention, which Malaysia is a party to, requires signatory nations to take actions as far as possible and as appropriate to prevent their introduction and control or eradicate alien species that threaten ecosystems, habitats and local species.

One alien fish species menacing our rivers is the Mekong red tail catfish. Fondly known as the "ikan patin Mekong", it's quite a favourite among local fish farmers, with a soft, delicate flesh that makes it a popular restaurant menu item rivalling the local ikan patin.

The problem with the Mekong red tail catfish started when it was released from its captive culture into the wild. Researchers noted that its voracious eating habit, rapid growth and high spawning rate meant that this species could occupy all available space in the rivers.

Anglers and fishermen have also been landing aliens from more distant places. In a series of articles on this subject, *New Straits Times* Terengganu bureau chief Rosli Zakaria related the local detection of another catfish species — *phractocephalus hemiliopterus* — a native to the Amazon river.

"It is a beautiful catfish with black markings on its body and red fins. Unfortunately, no one wants to buy this fish because of its black flesh. It is good for

aquariums when small, but becomes a nuisance when it outgrows the aquarium."

The writer also listed a number of alien fish species from Africa as well as North and South America which have found their way into our natural ecosystem.

They may arrive in the country well-contained but once released into our streams, either deliberately or by accident, there's no telling where they might end up.

When these predatory fish species were released into our rivers is vague, but it's believed that some have been set free by hobbyists since the late 1980s.

To be sure, not all alien fish species are bad. Chile supports a thriving introduced-salmon industry, which accounts for about 20 per cent of the world's farmed salmon.

In this country, many have been imported in the past for aquaculture, some as early as the 19th century. For example, according to the Department of Fisheries (DoF), the introduction of the Chinese grass carp, bighead, silver and common carp species, and the practice of polyculture, started in the 1800s.

The introduction coincided with the migration of Southern Chinese people, who brought along their techniques, marking the beginning of aquaculture in Malaysia.

Javanese carp, known locally as "lampam Jawa", is one of the most important freshwater fishes cultured in the country. It was first introduced in 1953 from Indonesia and was bred by the DoF for distribution to fish farmers.

In 1982, some 120,000 Javanese carp were released in mining pools, rivers and reservoirs throughout the country. In an effort to expand the gene pool, subsequent re-introductions of the fish from Indonesia and Thailand, where the fish is known as Thai silver carp, were undertaken by the government in the late 1970s and mid-1980s.

Tilapias were introduced to Malaysia by the Japanese in the 1940s as a cheap protein source. The most popular species for culture is the Nile tilapia. Two other species used for culture include the Mozambique tilapia and the blue tilapia.



Invasive alien fish species such as this ikan patin Mekong are threatening the survival of Malaysia's native species. FILE PIC

It is the invasive alien species (IAS) that are the problem. In addition to fish, IAS include plants, animals, pathogens and other organisms that are non-native to an ecosystem which may cause economic or environmental harm or adversely affect human health.

In particular, they impact adversely on biodiversity, including a decline or elimination of native species — through competition, predation, or transmission of pathogens — and the disruption of local ecosystems and ecosystem functions.

An *Action Plan for Aquatic Invasive Alien Species* was released by the DoF in 2007, and a sequel was published in 2014 by the Department of Agriculture to include plants and animals.

Both were well-balanced pieces of work. The view advanced was not to ban aquatic IAS outright but to have risk assessments and to evaluate the benefits associ-

ated with their use and regulate their movement appropriately.

The 2014 National Action Plan had four strategies:

Strengthen legal framework in relation to IAS prevention, detection and monitoring, eradication, containment and control;

Intensify capacity building for the implementation of the action plan;

Enhance research and development of IAS; and,

Increase public awareness of IAS. These suggestions are sound and reasonable. But they need solid government support, adequate funding and increased manpower. It's time to put more energy into protecting our native species.

The writer was the founding chair of the Intergovernmental Science-Policy Platform on Biodiversity and Ecosystem Services and recipient of the MIDORI Prize for Biodiversity 2018

Other than fish, invasive alien species include plants, animals, pathogens and other organisms that are non-native to an ecosystem which may cause economic or environmental harm or adversely affect human health.

Takungan air di tiga empangan MADA mencukupi



PAPAS air di Empangan Pedu masih berada pada tahap selesa.
- Gambar hiasan

ALOR SETAR - Kadar takungan air di tiga empangan Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) masih mencukupi bagi tujuan penanaman padi pada musim 1/2019 di wilayah tanamannya di negeri ini dan Perlis yang akan bermula bulan hadapan.

Pengurus Besar MADA, Datuk Fouzi Ali berkata, walaupun negara dianda cuaca panas, paras air di tiga empangan iaitu Empangan Pedu, Empangan Muda dan Empangan Ahning masih berada pada tahap selesa melebihi 54 hingga 81 peratus.

"Setinggi semalam (kelmarin), kedudukan takungan di Empangan Pedu sebanyak 87.74 juta meter padu (81.32 peratus), Empangan

Muda 84.19 juta meter padu (54.60 peratus) dan Empangan Ahning 197.82 juta meter padu (71.93 peratus).

"Kedudukan ini jauh lebih baik berbanding kedudukan takungan terendah pada tempoh sama 2017. Takungan air bagi Empangan Pedu pada kadar 645.58 juta meter padu (59.1 peratus), Empangan Muda 47 juta meter padu (30.48 peratus) dan Empangan Ahning pada kadar 163.39 juta meter padu (59.42 peratus)," katanya dalam kenyataan di sini semalam.

Beliau turut memaklumkan bahawa jadual penanaman padi musim 1/2019 terpaksa dilewatkan berbanding musim-musim sebelumnya ini, setelah mengambil kira

amalan penentuan musim dan turunan hujan.

"Pihak MADA telah mengadakan Mesyuarat Jawatankuasa Bekalan Air dan Penanaman Padi pada 24 Februari lalu untuk berbincang bersama semua pemimpin peladang yang terlibat. Hasil mesyuarat itu memutuskan bahawa jadual Penanaman Padi dan bekalan air bagi Fasa 1 adalah pada 17 April, Fasa 2 pada 1 Mei dan Fasa 3 pada 15 Mei," katanya.

Beliau juga yakin dengan pelaksanaan sistem kualiti MS ISO 9001:2015 dalam pengendalian sistem pengurusan air, MADA dapat menguruskan pengaliran tanaman padinya dengan lebih baik bagi musim ini. - Bernama



"Pada tahun 2000, bermula dengan labuhan kapal di tempat kami tangkap ikan, ditambah lagi dengan kapal korek pasir, pendapatan berkurangan sehingga 50 peratus"

Zamzam Ismail,
Nelayan Kuala Langat



Isu pencemaran air yang dibangkitkan sejak dahulu berulang-ulang tetapi tiada tindakan, kalau pencemaran di darat, mendakan di dasar sungai sampai ke laut menyebabkan hasil berkurangan"

Mohd Hatta Mohd Yusof,
Nelayan Kuala Langat



Nelayan Kuala Langat 'nazak' dihimpit pelbagai isu

● Kegiatan ambil pasir haram, sisa kumbahan, perkapalan jejas aktiviti laut

Oleh Ruwaida Md Zain dan Faizq Lajim
news@nstp.com.my

► Kuala Langat

Nelayan di sekitar sini mengeluh apabila pendapatan mereka terjejas berikutan kegiatan pengambilan pasir laut secara haram, aktiviti perkapalan yang tidak sistematik dan pembuangan sisa kumbahan

kilang berhampiran.

Masalah itu semakin serius sejak 10 tahun lalu dan nelayan mendakwa ia antara faktor pendapatan nelayan kini ada yang hanya memperoleh RM500 sahaja sebulan, berbanding RM2,000 sebelum ini.

Lebih memeritkan, jumlah itu tidak dapat menampung modal membeli atau membaiki jaring yang rosak apatah lagi menampung perbelanjaan keluarga seperti dahulu.

Kapal dagang ganggu aktiviti

Kapal dagang yang berurusan tukar barang didakwa berlabuh sesuka hati sehingga mengganggu operasi nelayan.

Pengerusi Persatuan Nelayan Kuala Langat, Mat Jaman Haris berkata, pihaknya mahu ketiga-tiga isu itu ditangani supaya ia tidak menjejaskan habitat hidupan laut serta kehidupan nelayan di situ.

"Isu pengambilan pasir laut yang



Mat Jaman (empat dari kiri) bersama nelayan menunjukkan jaring yang rosak ketika tinjauan di kawasan sekitar Pangkalan Kelang, Sungai Langat.

merosakkan alam sekitar, habitat semula jadi hidupan air, ekosistem serta pembikinan ini menyumbang kepada kekurangan sumber ikan di Kuala Langat.

"Pada masa sama, aktiviti pergerakan kapal dagang keluar dan masuk di Sungai Langat juga menjejaskan habitat ikan yang membiak di dalam sungai atau kawasan paya bakau.

"Ketiga adalah hasil kumbahan industri kilang seperti kelapa sawit yang dibuang secara terus lalu mengalir ke Sungai Langat sehingga menyebabkan sumber air tercemar

"Hari ini anak muda tidak berminat ke laut disebabkan hasil makin kurang, pendapatan tidak seberapa, pekerjaan berisiko seperti jaring rosak atau koyak dilanggar kapal," katanya.

Mat Jaman berkata, hari ini mereka terpaksa berdepan dengan sampah serta air kumbahan selain

pokok bakau hanyut.

Kegiatan melombong pasir laut yang dijalankan secara haram di kawasan itu didakwa turut memberi kesan namun aduan nelayan seolah-olah tidak diendahkan Pejabat Tanah dan Galian (PTG).

Aktiviti lombong pasir haram

"Sebagai bukti, saya ambil video kejadian tarbit dan menyerahkan pada mereka, akhirnya mereka tahu dakwaan nelayan benar," katanya.

"Kegiatan pihak tertentu yang melakukan aktiviti melombong pasir pada awal pagi juga menimbulkan tanda tanya," katanya.

"Tetapi hari ini sudah menjadi fenomena biasa, pada jam 2 pagi atau 3 pagi tiada siapa yang pantau. Kalau ambil dengan cara betul waktu siang, kalau waktu malam adalah 'percuri'," katanya.

Katanya, kapal dagang keluar masuk juga tidak kira waktu air

surut atau pasang.

"Pergerakan kapal dagang pula menyebabkan gelombang air besar dan ia akan merosakkan, menghis dan meruntuh tebing," katanya.

Pada masa sama, Mat Jaman berkata, nelayan juga berhadapan dengan tumpahan minyak dari kapal dagang yang berlabuh dan melalui kawasan itu.

Tindakan sesetengah kapal dagang yang berlabuh tanpa memperdulikan kehadiran nelayan yang memasang jaring turut menyumbang kepada kerosakan alat menangkap ikan itu apabila sauh yang dijatuhkan menyebabkan ia koyak.

Kehadiran kilang memproses sawit yang terletak berdekatan dengan kawasan perairan Kuala Langat juga mengancam hidupan laut di situ apabila pihak berkenaan dipercayai melepaskan sisanya ke dalam sungai dengan sewenang-wenang.



Tebing paya bakau musnah akibat aktiviti kapal besar dan tongkang yang tidak terkawal ketika tinjauan sekitar Pangkalan Kelang, Sungai Langat.



TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
5/3/2019	MINGGUAN AMANAH	FORUM	23

Mantapkan gerakan Pertubuhan Peladang

TUAN PENGARANG,

MESYUARAT Agung Unit-Unit Peladang ditangguhkan dari bulan Februari ke Mac 2019. Tidak diketahui sebabnya. Itu urusan Kementerian berkenaan dan Pendaftar Pertubuhan Peladang (LPP/ Lembaga Pertubuhan Peladang) yang dipengerusikan orang baharu, Dato' Mazlan Aliman.

Namun sempena penangguhan ini, ia memberi peluang unit-unit mencari usul-usul sesuai untuk dibawa ke Mesyuarat Agung masing-masing dan seterusnya (jika lulus) dibawa pula ke Mesyuarat Agung Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) mereka.

Antaranya, diadakan semula agenda perlantikan Ahli Jemaah Pengarah (AJP) oleh menteri seperti dilakukan lebih sepuluh tahun lalu. Kini tidak ada seorang AJP lantikan Menteri, baik peringkat PPK, negeri-negeri dan kebangsaan (NAFAS).

Mereka dilantik sekurang-kurangnya empat orang di peringkat PPK (dua ahli biasa, seorang Peladang Muda dan seorang ahli Peladang Nita).



Di peringkat negeri, lima orang, iaitu tiga ahli biasa, seorang wakil Peladang Muda dan seorang Peladang Nita. Peringkat NAFAS, enam orang lantikan Menteri iaitu empat ahli biasa, seorang wakil Peladang Muda dan seorang Peladang Nita.

Menteri juga dicadang melantik Pengerusi dan Timbalan Pengerusi di peringkat kawasan, negeri dan NAFAS dari kalangan ahli-ahli Jemaah Pengarah yang dilantik.

Kesemua dilantik mesti ahli peladang yang aktif, tanpa had usia (budi bicara Menteri) yang pasti dan penting sihat mental serta fizikal dan dipercayai banyak idea-idea bernas, memiliki saham serendah RM100 dan yang menawarkan diri sebagai AJP kawasan perlu memiliki saham serendah

RM500 manakala di peringkat negeri pula serendah RM1000 dan di peringkat NAFAS adalah serendah RM2000.

Untuk tindakan segera pula, mantapkan gerakan Pertubuhan Peladang, cadangan ini wajar dilaksanakan sebelum unit-unit bermesyuarat dan dijadikan 'usul sokongan'.

Di peringkat unit pula, pemilihan sekarang dikekalkan jika ada pencalonan lebih daripada satu calon untuk jawatan ketua, setiausaha, bendahari, dua AJK biasa, seorang wakil Peladang Muda dan seorang wakil Peladang Nita.

HASHIM JAAFAR
Semerah

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
5/3/2019	MINGGUAN AMANAH	NASIONAL	24

Harga sawit, getah naik sedikit

Oleh **ARIF ATAN**

HARGA getah dan kelapa sawit telah mengalami sedikit peningkatan dan dijangka stabil untuk tempoh beberapa tahun lagi, kata Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Salahuddin Ayub. Menurutnya, perkembangan terhadap harga kedua-dua komoditi itu merupakan hasil daripada beberapa keputusan Mesyuarat Kabinet.

"Hasil kerja kuat, kita mendapati harga sawit dan getah telah naik sedikit walaupun perlahan. Ini adalah sebahagian komitmen kerajaan dan dalam tempoh beberapa tahun ini, harga komoditi tersebut dapat di-stabilkan.

"Kerajaan juga terus berusaha untuk pulihkan harga sawit kerana kita berdepan dengan kempen (boikot) dari negara-negara Kesatuan Eropah.

"Mereka sentiasa mengaitkan minyak sawit kita sejak dulu dengan mendakwa tin-



Salahuddin Ayub

ggi kolesterol. Apabila Malaysia tampil dengan bukti saintifik, isu itu berkurangan tapi mereka mulakan serangan dengan menghapuskan hutan tropika kita," katanya dalam ceramah di Bukit Mahkota sempena kempen Pilihan Raya Kecil (PRK) Dun Semenyih, 25 Februari lalu.

Timbalan Presiden AMANAH berkenaan berkata, tidak banyak reformasi besar dapat dilakukan kerana sebahagian daripada perancangan pada masa ini memerlukan tempoh untuk berlakunya perubahan.

"Baru-baru ini saya melancarkan lima hala tuju baru kementerian melibatkan tanaman padi, industri ruminan, ikan dan produk buah-buahan kita.

"Ada antaranya kita selesaikan di pasaran antarabangsa termasuk China. Durian, nangka madu dan rock melon. Kita mempunyai varieti nanas yang sangat manis.

"China suka sangat dengan nanas kita ini. Di pinggir Beijing, saya diberitahu 200 biji nanas boleh dijual dalam tempoh sehari di sebuah pusat beli belah," ujarnya.

Sehubungan itu, Salahuddin berkata, pendapatan golongan petani di negara ini dapat ditingkatkan jika buah-buahan tempatan dapat diekspor.

"Itu perubahan yang dilakukan tetapi tidak dapat dibuktikan dalam tempoh setahun ini," tambahnya lagi.

Kemusnahan hutan mengancam keselamatan air dan makanan negara

Oleh HAFIZUDIN NASARUDIN

AKTIVITI pembukaan hutan yang berleluasa termasuk bagi tujuan pembalakan, perlombongan, pembinaan kawasan kediaman dan komersial tanpa pengurusan pembendungan (containment) dan penjagaan rizab sungai yang baik telah menyebabkan banyak sungai-sungai kita merosot dari segi kualiti & kuantiti – dari hulu ke hilir.

Walaupun menerima taburan hujan yang besar dan sekata sepanjang tahun, namun kita tidak mampu menggunakan sebahagian besar kitaran air hujan kita akibat kehilangan dan kegagalan kawasan hutan selaku kawasan tadahan air efektif untuk menadah, menapis dan membekalkannya air dalam keadaan yang bersih dan mencukupi.

Negeri Kedah, Perlis, Pulau Pinang, Selangor dan Melaka kini dikategorikan sebagai negeri defisit/tidak cukup air – sehingga terpaksa mengimport bekalan air secara domestik dari negeri bersebelahan (JPS, 2017).

Negeri Selangor, Johor dan Kelantan juga sedang menghadapi tekanan bagi membekalkan air yang mencukupi.

Dari segi kuantiti, krisis bekalan air bukan hanya terjadi akibat musim kemarau ataupun banjir pekah, ia juga terjadi akibat berpunca daripada kegagalan stesen-stesen rawatan air yang terpaksa menerima dan merawat jumlah air sungai keruh yang banyak akibat mendedapat lumpur daripada aktiviti pembukaan tanah di dalam hutan dan aktiviti lain yang menjejaskan kualiti sungai tersebut – sebelum ia dirawat menjadi air yang boleh diminum atau digunakan di rumah.

Kos yang tinggi diperlukan bagi memperbaiki dan menambah kapasiti teknologi bagi rawatan jumlah air yang semakin keruh dan merosot. Insiden terputus 'shut down' sering kali dilaporkan daripada kejadian ini.

Bagi sektor makanan pula, padi sebagai makanan ruji rakyat Malaysia untuk dijadikan contoh, Kedah sebagai negeri pengeluar padi terbesar negara – yang menghasilkan bekalan padi sebanyak 40 peratus – sebahagian besarnya bergantung sepenuhnya kepada sumber air dari kawasan hutan tadahan air Ulu Muda.

Kemusnahan hutan Ulu Muda sekali gus memberikan ancaman yang serius kepada jelatang-jelatang padi di negeri

tersebut – di mana terdapat kawasan pengaliran padi terutamanya di bahagian penghujung tidak menerima kuantiti air yang mencukupi.

Senario ini juga turut berlaku di negeri Perak, negeri pengeluar padi kedua terbesar negara di mana jelatang padi (granary) utama di Skim Pengaliran Trans-Perak (Seberang Perak) & Skim Pengaliran Sungai Manik serta kawasan padi yang lain mengalami tekanan daripada bekalan air Sungai Perak yang semakin cetek akibat daripada pelbagai mendedapat daripada aktiviti perlombongan pasir, pembukaan tanah & hutan di kawasan lembangan Sungai Perak.

Ini sekali gus menyebabkan produktiviti padi boleh merosot dan kerajaan terpaksa membelanjakan jumlah yang besar untuk menambah sistem pengaliran bagi mengepam jumlah air yang besar sehingga ke penghujung saliran.

Di bahagian hiliran sungai dan berdekatan laut kawasan perairan pula, Hutan Paya Bakau yang menjadi tempat bergantung nelayan kita sebagai sumber perikanan – habitat pembiakan ikan, udang, ketam dan spesies makanan laut yang lain serta menjadi benteng pertahanan penting kepada tsunami dan hakisan laut – telah dimusnahkan sebanyak 25,000 hektar dalam tempoh 10-12 tahun – lebih besar daripada saiz Bandaraya Kuala Lumpur (*The Star*, 2015).

Lalu mengakibatkan kepupusan sumber marin khususnya sumber bakalan laut yang semakin terjejas yang mampu meningkatkan kos harga makanan serta mendedahkan komuniti yang tinggal di pesisiran pantai kepada ancaman tsunami dan kenaikan paras laut.

Oleh itu, ini merupakan hujah yang amat kuat mengapa kita harus mempertahankan hutan biodiversiti kita daripada sewenang-wenangnya dibuka dan dimusnahkan tanpa keperluan yang munasabah.

■ Penulis adalah Pengerusi Persatuan Sahabat Alam (KUASA).



Kemusnahan hutan Ulu Muda memberikan ancaman yang serius kepada jelatang-jelatang padi di negeri Kedah.

Laporan WWF dedahkan betapa parah kesan aktiviti manusia terhadap planet

AKTIVITI manusia mengasak sistem semula jadi planet yang menyokong kehidupan di bumi hingga ke tepian, demikian Living Planet Report WWF 2018 mendedahkan.

Ia juga memaparkan gambaran menyedihkan daripada impak aktiviti manusia terhadap hidupan liar, hutan, lautan, sungai dan iklim/oleh itu ia mendesak komuniti global agar memulihkan kembali secara bersama dan menilai semula cara kita menghargai, melindungi dan memulihkan alam semula jadi.

"Kita mengeluarkan dari 'akakin simpanan' sumber asli kita dengan begitu rakus, hingga tinggal sedikit saja untuk diwariskan kepada kehidupan generasi akan datang.

"Penghapusan ikan di laut, iklim yang berubah, hutan kita yang hambar semua itu adalah simptom," kata Pengarah Konservasi WWF-Malaysia Dr Henry Chan dalam satu kenyataan.

Menurut Chan, laporan terbaru menunjukkan kemerosotan populasi global ikan, burung, mammalia, amfibia, reptilia, secara purata sebanyak 60 peratus antara 1970 dan 2014, di mana ancaman utama terhadap spesies yang dikenali pasti dalam laporan itu berkait langsung dengan aktiviti manusia, ter-

masuk kehilangan habitat dan kerosakan serta eksploitasi hidupan liar secara berlebihan.

Di Malaysia, penyulau menghadapi ancaman terhadap survivalnya, badak Sumatra semakin pupus, dan spesies seperti harimau Malaya, rusa sambar dan gaur dalam bahaya.

Laporan itu juga melihat kepada pentingnya pollinator (halwan pengangkut dan pencantum debunga) dan bagaimana iklim yang berubah, amalan pertanian intensif, spesies penawan, dan kemunculan penyakit telah menjejaskan hasil, diversiti dan kesihatan mereka.

"Di kawasan tropika, kebergantungan kita pada pollinator adalah sebanyak 98 peratus bagi pengeluaran buah-buahan, oleh itu, Malaysia wajar bimbang.

"Sebagai sebuah negara, kita perlu mengamalkan pengeluaran dan konsumsi komoditi secara bertanggungjawab," katanya.

Chan juga menyarankan keperluan pensijilan wajib bagi pengeluaran minyak sawit di Malaysia diperluaskan kepada pengeluaran makanan laut, ikan, dan udang bagi menghalang hidupan marin dari terus merosot.

Headline	Soon : Youth encourage involves in farming industry		
MediaTitle	Kwong Wah Yit Poh		
Date	05 Mar 2019	Color	Full Color
Section	Supplement	Circulation	59,667
Page No	B6	Readership	179,000
Language	Chinese	ArticleSize	154 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 1,727
Frequency	Daily	PR Value	RM 5,180



孙意志 (左3) 亲临 Baba 有机教育园, 詹凯晴在 (右起) 倪靚怡、谢政毅、邝志祥及郑春再陪同下, 赠送有机蔬菜给孙意志。

孙意志:前景充满潜能 鼓励青年投身农耕业

【北海4日讯】槟州青年及体育发展委员会主席孙意志行政议员指出, 农耕业在本地前景充满潜能, 青年应该锁定个人发展目标, 全心投入将新思绪融入新科技开拓个人事业。

他透露本身曾到台湾考察青年发展事务时与农业部长交流, 农耕业可透过新科技取得蓬勃发展。他鼓励年轻人摆脱旧思维, 农耕不再是处于污浊环境中谋生, 农耕园艺在资源丰富的围土上拥有无限发展前景。

他到 Baba 有机教育园参与 38 妇女节有机市集展销会后说, 如今的小学生甚至青少年, 知道蔬果类或鸡鸭各肉类食物, 却不懂得种植的过程与来源, 而为避免与各行业科技化时代产生

脱节, 他欢迎各青年机构到农场参观。

有意到这些农场进行访问的学校单位或青年组织, 可以接洽其服务中心以做出安排, 他愿意扮演桥梁角色。

Baba 每月首周日 办有机市集

活动统筹倪靚怡表示, Baba 在每个月的首个星期日, 均会举办有机市集, 与各环保组织及有机农耕商家携手推广, 在新邦安拔 Baba 有机教育园展开, 让更多人接触大自然以了解有机生态的重要性。

出席嘉宾包括威省市议员邝志祥、郑春在村长、峇眼惹玛州议员服务中心助理詹凯晴及 Baba 全国销售经理谢政毅。#

Headline	Difficult to use machinery in agriculture, 95 pct dependence on foreign workers		
MediaTitle	Oriental Daily News		
Date	05 Mar 2019	Color	Black/white
Section	News	Circulation	85,616
Page No	A15	Readership	256,848
Language	Chinese	ArticleSize	291 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 3,402
Frequency	Daily	PR Value	RM 10,207



农业难机械化 95%靠外劳

峇株巴辖4日讯 | 马来西亚农业总会长陈苏潮直斥，农民也希望减少外劳，因为如今不仅本地人不愿从事农作，就连外劳也不愿进入这个辛苦的领域。

政府在减少外劳方面多属空文，此举旨在减少各领域对外劳的依赖，但当前农业领域能机械化的都已机械化，很多部分如割菜菜或等还是必须依赖人力，目前该领域的95%靠外劳。

他说，对农业领域而言，农民能机械化产出的都已尽量机械化，惟一部分仍靠依靠人力，因此对必须依赖外劳的农业领域来说，外劳多层次关税政策肯定会造成负担。

吁政府与业者交流

有鉴于目前整个政策实施尚未明朗化，因此农民尚无法估

计受影响的程度。

陈苏潮透露，目前在菜园工作的基情外劳，每人人头每月约400令吉，平均一天田地就需要一个外劳，他希望农业及农基工业部长真正到田间观察农民的操作。

若还有什么部分需机械化，政府应带头示范，让农民学习。

他强调，政府在实施任何法令前，应先与业者交流对话，该会计划将于3月5日将与人力资源部长五拉会商，届时将会向对方反映此事。



陈天聪

柔南中小企业公会会长

杨运松

新山咖啡酒餐商公会财政

陈苏潮

马来西亚农总会长

Headline	Raub durian owners hope government to expand ``durian economy``		
MediaTitle	Nanyang Siang Pau (East Coast)		
Date	05 Mar 2019	Color	Full Color
Section	News	Circulation	6,000
Page No	B1	Readership	18,000
Language	Chinese	ArticleSize	1239 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 2,440
Frequency	Daily	PR Value	RM 7,320



将壳榴莲一旦可以进入中国市场，前景无限。

开放外劳土地

劳勿园主盼扩榴梿经济



报道：张燕萍

(芬勿4日讯) 作为著名狮山王产地，劳勿小园主盼政府开放外劳和土地政策，扶持拓展榴梿种植业，让狮山王之乡成为国内“榴梿经济”的火车头。



厂家做好冷冻技术的准备，让带壳榴莲随时进军中国市场。

中国市场潜力大，随着农业产值的不断提升，不久后带壳榴莲可以进军中国市场；政府同时也鼓励园主多开拓各层面的榴梿业发展。

园主们大多有共识：“榴梿”是致富的小园主和小园主经营者。他们也希望从中分得一杯羹。

劳勿是园内著名的狮山王产地，但却有种植地出现越来越多少的情况，令许多有意种植榴梿的新一代园主无法在这方面发展。

村民希望州政府，能把土地出租给真正有农业的园主，而非让大集团从中牟利。

此外，劳勿果农也希望政府有领导正视农业的需求，让非法农地合法化的同时，也可让申请外劳的条例。

“榴梿种植需要很多的人手，日复一日的灌溉和照料，才能有好的收成。希望政府能够从政策上着手，简化申请外劳的程序。”



收购高·张蔚萍 拓地增产势在必行

州政府和中央政府有高度重视农业的政策，扶持榴梿种植业发展。

榴梿，特别是狮山王种植业将成为国内代表性的水果，未来也会成为我国的主要出口产品，因此，增加产量是势在必行的。

小地方的村民，都希望可以参与种植，但在面对土地不足。

我认为州政府可以开放土地，以最高效的方式帮助有意种植的村民。

此外，在申请外劳程序上，应尽快减少审批步骤。同时农务及农业工业部在日前宣布将大力推广“榴梿业”，相信能更进一步打响榴梿园主的口碑，促进出口销量。

而在种植人的立场，大家都期待我国的榴梿可以在不需要转路的情况下，可以直接进军中国市场。



彭亨榴梿商公会主席·拿督敦伟权

中国市场供不应求

一旦可以让带壳榴莲进军中国市场，榴梿业的前景是非常正面的。种植地供不应求，是劳勿果农一直以来的疑问。现有的种植者，许多都是兼业，一些没有土地者，只能自己设法开发土地种植。

其实我们期待州政府可以开放土地，以租借方式分配给有意种植业，尤其是榴梿业发展的基层居民申请。

州政府若能以租借方式开放更多的土地，肯定也能为州内带来额外收入。

狮山王是深受中国消费者欢迎的品种，需求量几乎是供不应求。目前来说，产量仍然有限。



彭亨果农公会理事长·宁恩祥

应善用保留地荒地

希望州政府能够开放更多的土地，让有需要的农民提出申请。

从长远看来，劳勿是非典型种植榴梿的地区。现在在中国，新加坡或港澳地区，从狮山王，到狮子那榴莲，劳勿这个地区。

州政府可以开发留地，或是一些闲置土地，那都可以租予农民作为种植榴梿用途，以增加国内榴梿产量。

只有州政府和中央政府的配合，才能增加榴梿产量，以满足国内外市场需求。

